

02 NOV 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

BELANJAWAN 2002 MENGUNTUNGKAN BANYAK PIHAK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Kerajaan telah menyediakan satu belanjawan yang menguntungkan banyak pihak terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah, sama ada mereka yang berkhidmat dengan kerajaan atau di luar kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Imbuan yang kerajaan berikan dalam Belanjawan 2002 cukup banyak untuk sesebuah negara di tengah-tengah kelembapan ekonomi dunia, katanya selepas mesyuarat majlis tertinggi UMNO di sini.

"Untuk membelanjakan wang sebanyak itu bagi rakyat, saya fikir adalah satu pencapaian juga. Jadi haraplah hargai ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kenaikan harga diesel dan petrol sebanyak 10 sen seliter setiap satu adalah kenaikan yang rendah iaitu 8 peratus daripada harga lama.

"Kita sekarang ini belanja RM1.4 bilion subsidi untuk minyak. Kenaikan 10 sen ini tidak bermakna kita akan hapuskan subsidi. Daripada RM1.4 bilion kita mungkin dapat jimatkan cuma RM300 juta ke RM400 juta.

Dr Mahathir berkata: "Kita beri kepada rakyat dengan potongan cukai, pertambahan perbelanjaan dengan bermacam-macam lagi tawaran kita buat berbilion-bilion ringgit."

Kerajaan cuma dapat menjimatkan belanja subsidi sebanyak RM300 hingga RM400 juta di atas kenaikan harga petrol yang bukan semuanya digunakan oleh golongan miskin, bahkan mereka yang kaya juga, tambahnya.

Beliau berkata kerajaan telah cuba berlaku adil kepada semua pihak tetapi sesetengah pihak hanya menumpukan kepada isu kenaikan harga petrol seolah-olah kerajaan tidak memberikan ganjaran-ganjaran lain kepada rakyat.

Kerajaan telah memberikan bonus setengah bulan gaji dan pembayaran minimum sebanyak RM1,000 kepada kakitangannya untuk tahun ini di samping kenaikan gaji sebanyak 10 peratus mulai tahun hadapan.

Dr Mahathir berkata bagi kakitangan kerajaan yang gaji mereka RM1,000 sebulan ke bawah mereka menerima bonus RM1,000 yang lebih kurang sebulan gaji, dan yang mereka yang bergaji RM500 sebulan menerima dua bulan bonus.

Dr Mahathir berkata perbelanjaan kerana kenaikan harga minyak ini adalah cukup kecil berbanding tambahan pendapatan kakitangan kerajaan tahun ini melalui bonus, dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus mulai tahun 2002.

Perbelanjaan petrol tidak akan menelan semua tambahan gaji yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan, tambahnya.

Jika penggunaan petrol mereka sebanyak RM500 sebulan secara maksimum dengan kenaikan petrol sebanyak lapan peratus, mereka hanya perlu berbelanja RM40 lebih sahaja, yang melebihi daripada tambahan gaji yang akan mereka perolehi.

Sementara itu, para pekerja sektor swasta akan menikmati potongan cukai sebanyak 28 peratus daripada 29 peratus sebelumnya, kata Dr Mahathir.

"Kita juga telah memberi tambahan kepada pengecualian cukai yang tidak dikenakan dan dengan ini ramai yang sedang membayar cukai sekarang ini tidak perlu membayar cukai lagi. Takkan mereka tak boleh bayar sedikit duit minyak tambahan daripada perbelanjaan yang ada sekarang ini?," tanya beliau.

Dr Mahathir berkata: "Bagi orang kampung banyak mana sangat minyak yang dia pakai cuma untuk motorsikal, barangkali. Kalau dia dah mampu beli motokar mungkin dia ada duit banyak."

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM5.3 bilion untuk

pembangunan luar bandar yang akan dinikmati oleh kontraktor-kontraktor kelas F dan para peniaga di kampung, tambah beliau.

Ditanya mengenai kesan kenaikan harga petrol dan diesel kepada kos pengangkutan, Dr Mahathir berkata: "Kerajaan telah membuat kajian mengenai kenaikan harga petrol dan diesel ke atas kos pengangkutan."

Kos bahanapi untuk syarikat-syarikat pengangkutan awam hanyalah sebanyak 10 hingga 20 peratus daripada kos operasi mereka, tambahnya.

"Kalau kenaikan (petrol) lapan peratus, kenaikan kos bahanapi hanya 0.8 peratus dan paling tinggi hanyalah 1.6 peratus," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata tiada sebab untuk syarikat-syarikat pengangkutan awam menaikkan harga tambang.

Dr Mahathir berkata: "Biasanya bila kita naikkan sesuatu barang sebanyak lima peratus, semua naik lima peratus. Bila kita turunkan harga sesuatu barang sebanyak lima peratus mereka berkata mereka tidak boleh turunkan harga kerana ianya barangan lama." -- BERNAMA

MK OS